



ABDULLAH Ahmad Badawi menyampaikan cenderahati kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad pada Majlis Penghargaan dan Terima Kasih UMNO Kepada bekas Perdana Menteri itu di Dewan Tun Razak, PWTC, Kuala Lumpur malam tadi. — Gambar HALIM KHALID

Ahli UMNO bijak memilih, saya tak perlu campur tangan — Dr. M

um-27/4/2004
m/s: 2

Oleh HELMI MOHD. FOAD

KUALA LUMPUR 26 April — Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak akan campur tangan dalam soal pemilihan parti yang akan diadakan tahun ini kerana yakin semua ahli UMNO bijak membuat pilihan untuk masa depan parti.

Bekas Perdana Menteri berkata, apa yang penting ialah semua ahli parti memastikan bahawa UMNO terus kuat dan dapat menerajui kerajaan.

“Saya tidak ada apa-apa nasihat dalam soal pemilihan kerana saya yakin ahli UMNO bijak belaka membuat pilihan.

“Yang lebih besar ialah parti, parti yang beri tempat kepada kita dan kita perlu pastikan apa yang dilakukan ialah mengutamakan parti,” katanya pada Jamuan Majlis Penghargaan Terima Kasih UMNO kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad di Dewan Tun Abdul Razak, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini malam ini.

Dr. Mahathir juga mengulangi janjinya untuk tidak mengganggu atau cuba mempengaruhi perjalanan dan pengurusan kerajaan di bawah kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

“Saya cuma akan tetap kekal sebagai ahli biasa UMNO dengan tidak mengganggu kepimpinan UMNO dan kerajaan,” katanya.

Dalam pada itu beliau berkata, kemenangan cemerlang UMNO dan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum lalu adalah satu bukti penerimaan dan restu rakyat terhadap cara peralihan kuasa kepimpinan negara kepada Abdullah.

“Saya tidak tahu dan tidak jangka kemenangan besar itu, kalau saya tahu saya ambil keputusan berundur lebih awal,” katanya.

Beliau juga terharu dengan penghargaan yang diberikan oleh pemimpin dan ah-

li UMNO pada majlis itu dan menyifatkannya sebagai satu pertemuan terbesar yang kali pertama beliau hadiri selepas pilihan raya umum lalu.

“Saya nak ucapkan tahniah kepada UMNO, parti yang memimpin BN dan kepada Abdullah selaku pemimpin UMNO dan BN dalam pilihan raya umum,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, beliau mahu melihat UMNO menjadi sebuah parti yang terus berkuasa dalam tempoh yang panjang dan tidak menjadi seperti parti-parti di luar negara ada yang telah tidak berkuasa lagi.

“Tetapi UMNO terus memimpin sejak merdeka,” ujarnya.

Justeru, beliau mengingatkan ahli UMNO agar terus mengekalkan kedudukan itu terutama bagi memastikan matlamat untuk menjadikan orang Melayu berdiri sama tinggi dengan bangsa-bangsa yang telah maju tercapai.

“Sebab itu sebelum kita terpaksa ada simbol-simbol yang menunjukkan kejayaan seperti pembinaan menara tertinggi di dunia, Menara Berkembar Petronas.

“Sedangkan ramai yang bertanya mengapa negara membangun seperti Malaysia memerlukan bangunan seumpama itu,” katanya.

Sebenarnya beliau menjelaskan, kewujudan simbol seperti itu diibaratkan sebagai ‘tong susu’ yang diperlukan oleh orang pendek untuk berdiri bagi menampakan dia tidak rendah berbanding orang lain.

“Tapi kita tidak boleh gunakan tong susu selama-lamanya dan suatu hari nanti kita perlu bebas daripada keperluan mengadakan tong susu.

“Sebaliknya kita perlu mencapai kejayaan yang terpaksa diiktiraf dan dihormati oleh seluruh dunia. Inilah perjuangan yang dikatakan belum selesai,” katanya.